

23/06/2002

Lega Dr M batal hasrat

ORANG ramai yang mengikuti siaran langsung Perhimpunan Agung Umno menerusi skrin besar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam, lega dengan persetujuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik peletakan jawatannya dalam Umno dan Barisan Nasional (BN).

Semua yang menunggu di ruang legar PWTC, bersorak gembira apabila skrin besar menayangkan pengumuman Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai persetujuan Perdana Menteri menarik balik peletakan jawatannya.

Kakitangan swasta, Mahadhir Jaalam, 32, berkata rakyat terutama orang Melayu masih memerlukan khidmat Dr Mahathir sebagai pemimpin parti Melayu terbesar negara ini.

"Saya terkejut bila tengok siaran langsung dari skrin besar itu dan kecewa pada mulanya. Alhamdulillah Datuk Seri menarik balik keputusannya," katanya yang membawa keluarganya ke PWTC bagi mengikuti perhimpunan itu dan membeli belah di gerai yang dibuka sempena persidangan berkenaan.

Kakitangan kerajaan, Azlinda Arifin, 29, pula berkata beliau bergegas ke skrin besar di aras satu sebaik diberitahu rakannya melalui sistem pesanan ringkas (SMS) mengenai pengumuman Dr Mahathir.

"Walaupun lega dengan keputusan Dr Mahathir menarik balik keputusannya, apabila saya melihat siaran ulang tayang saya berasa sedih dan berharap ia tidak berlaku," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir adalah pemimpin yang sukar ditukar ganti dan khidmatnya masih diperlukan terutama oleh golongan muda.

Siti Saadah Yahaya, 28, juga bersyukur dan lega dengan keputusan Dr Mahathir dan berharap Perdana Menteri akan terus memimpin Umno.

Sementara itu, Pengurus syarikat swasta, Maizura Ariff, 29, berkata Dr Mahathir membuat pengumuman mengejutkan itu mungkin kerana kecewa dengan tingkah laku orang Melayu yang tidak mencapai kejayaan seperti yang diharapkan.

Peniaga, Abdul Fattah Abdullah berkata beliau gembira apabila mendengar keputusan penarikan balik pengumuman Dr Mahathir itu.

"Belum masanya Dr Mahathir berundur dari kepemimpinan Umno kerana beliau diperlukan terutama di kalangan generasi muda. Kalau alasan umur tidak wajar kerana Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah lebih tua," katanya.

Julita Juliana Jamil berkata pengunduran Dr Mahathir amat merugikan orang Melayu dan rakyat pada keseluruhannya.

"Kini semakin ramai yang mula mengikut cara kesederhanaanya dan sudah menukar minda mengikut caranya," katanya.

(END)